

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 JUNE 2016

'Syukur rakyat dapat menilai'

BH-20/6/2016

➔ Najib minta ahli UMNO tak leka dengan kemenangan

Oleh Anwar Hussin, Azman Mahmood, Nor Fazlina Abdul Rahim dan Attirmidzie Rahman
bhkb@bh.com.my

▮ Kuala Krai

Datuk Seri Najib Razak meminta ahli UMNO tidak leka dengan kemenangan besar dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu ahli parti supaya lebih bersikap rendah diri, turun padang, mendekati dan membantu rakyat.

"Sekiranya kita berpegang kepada prinsip dan amalan itu, Insya-Allah sokongan pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang terus memihak kepada kita.

"Kita tiada sebarang kecacatan dalam dasar, apa yang kita hadapi adalah serangan peribadi dan tohmahan yang tidak berhenti-henti.

"Namun, saya bersyukur apabila rakyat dapat menilai dan terus menyokong perjuangan Barisan Nasional (BN)," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kekal Baharu Mangsa Banjir di Kampung Staponal di sini, semalam.

Najib berkata, BN perlu membuat analisis mendalam terhadap kemenangan di dua-dua PRK berkenaan.

"Pencapaian ini di luar jangkauan... trendnya ke arah BN. Kita lihat sokongan orang Melayu terhadap BN bertambah dan Pusat Daerah Mengundi (PDM) yang mewakili kaum lain juga meningkat seperti di Sekinchan, Sungai Besar dan Kampung Baru Jerlun, Kuala Kangsar.

"Ini bererti sudah ada sokongan daripada kaum Cina dan India. Bagi pengundi muda, trend nampak lebih kepada BN atau menunjukkan sokongan menggalakkan," katanya.

Wajar ambil iktibar

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata Tun Dr Mahathir Mohamad wajar mengambil iktibar daripada kemenangan BN itu.

Katanya, dua PRK itu menjadi luar biasa apabila pembangkang serta Dr Mahathir menjadikannya sebagai satu punggu-

Fakta nombor

9,191
MAJORITI
dimenangi calon
BN di Sungai Besar

6,969
MAJORITI
dimenangi
calon BN
di Kuala Kangsar

tan suara terhadap kepemimpinan beliau.

Beliau berkata, Dr Mahathir berkempen secara terbuka supaya pengundi menolak BN tetapi keputusannya membuktikan rakyat menolak apa yang disarankan bekas Perdana Menteri itu.

"Ini bererti pungutan suara atau deklarasi rakyat yang dikatakan disokong banyak pihak, tidak dapat diterjemahkan dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak dan PRK Sungai Besar serta Kuala Kangsar.

"Apa yang kita iktiraf bukannya pungutan suara secara tidak sah, tiada kesahihan tandatangan dan sebagainya. Apa yang sah, proses mengikut undang-undang yakni melalui PRU atau PRK.

"Keputusannya jelas bahawa ia tidak seperti yang disuarakan Dr Mahathir dan pembangkang," katanya.

Najib berkata, dengan kemenangan itu, beliau merasakan perkara itu sudah jelas kepada Dr Mahathir kerana lebih banyak tohmahan yang dibuat, ia memberi keuntungan kepada BN.

"Dengan kemenangan besar BN, kita akan teruskan dasar negara kerana yakin rakyat mahu sebuah kerajaan yang faham akan perntaslahatan rakyat, negara yang dapat menjamin keamanan, kesejahteraan serta keharmonian negara," katanya.